

**MAJLIS PELANCARAN 10 BUKU PENULIS WANITA TERBITAN TERKINI ITBM
DAN PENA**

18/03/2013

KEDAI BUKU 1MALAYSIA, PUSAT TRANSFORMASI BANDAR, PUDU SENTRAL
KUALA LUMPUR

Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Yang Berbahagia Dato' Adnan Haji Md Ikshan
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Yang Berhormat Datuk Dr. Sharuddin Md. Salleh
Pengerusi Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Yang Berbahagia Encik Mohd Khair Ngadiron
Pengerusi Eksekutif Kedai Buku 1Malaysia merangkap Pengarah Urusan Institut Terjemahan &
Buku Malaysia

Yang Berbahagia Dr. Mohamad Saleeh Rahamad
Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia

Yang Berbahagia Tuan Syed Nazri Syed Kamaruzzaman
Pengerusi UDA Mall Sdn. Bhd

Dif-dif kehormat, Dato', Datin, para sasterawan dan karyawan, rakan-rakan media dan semua
hadirin serta hadirat yang saya hormati sekalian.

1. Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah
kurnia-Nya telah mengizinkan sekali lagi pertemuan saya dengan para sasterawan dan penulis
pada petang ini. Unik dan istimewanya majlis pada petang ini kerana, ini merupakan kali
pertama saya hadir di satu majlis yang mengangkat martabat penulis-penulis wanita secara
khusus. Justeru, terima kasih diucapkan kepada Institut Terjemahan & Buku Malaysia atau
ITBM, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dan Kedai Buku 1Malaysia, yang telah
mengundang saya untuk menyempurnakan pelancaran 10 buku penulis wanita terbitan terkini
mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sebuah buku itu lahirnya daripada gagasan pemikiran dan pemerhatian yang mendalam, yang
dicurahkan dalam bentuk tulisan. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap penulisan mempunyai
idealisme serta magisnya yang tersendiri, dan ia tentunya turut menonjolkan daya intelek penulis.
Bukan semua orang dilahirkan dengan mempunyai bakat sebagai penulis. Saya percaya golongan
penulis sememangnya dianugerahkan dengan ketajaman pemikiran, justeru pepatah "mata pena

adalah lebih tajam daripada mata pedang” masih lagi relevan pada hari ini.

3. Kita sedia maklum bahawa pada kebanyakan masa, pemikiran masyarakat adalah dipengaruhi oleh bahan-bahan bacaan dan penulisan tanpa mengira genre. Kerana itu, penulis memainkan peranan yang amat penting dalam mencorak serta membentuk keperibadian dan ketamadunan sesebuah masyarakat, serta mampu membantu hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam semua bidang menjelang tahun 2020.

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang dihormati,

4. Sifat semulajadi wanita yang menjadikan mereka lebih tekun apabila berkarya adalah realiti yang tidak dapat kita nafikan, sekali gus membuktikan keupayaan perjuangan sastera wanita yang selama ini didominasi penulis lelaki. Pada awal kemunculan kesusasteraan di negara ini, penglibatan pengarang wanita tidak begitu ketara. Ini antara lain, mungkin disebabkan oleh faktor budaya dan adat resam yang membeza-bezakan keupayaan wanita dengan lelaki.

5. Walau bagaimanapun, keadaan kini telah sama sekali berbeza. Wanita kini mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dan membantu membentuk minda masyarakat sungguh pun dengan hanya bekerja dari rumah, melalui bidang penulisan. Dan telah pun terbukti, penulis wanita kini juga menjadi sebahagian daripada khazanah kesusasteraan tanah air. Malahan dalam beberapa aspek, penulis wanita dilihat lebih dominan berbanding penulis lelaki.

Hadirin sekalian,

6. Hala tuju bidang kesusasteraan dan penulisan tanah air terletak di tangan penulis dan para karyawan. Maka adalah wajar golongan ini diberikan sokongan dan platform yang tepat bagi membangunkan bidang penulisan itu sendiri. Saya memuji dan menyokong usaha yang dilakukan oleh ITBM sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan yang mana pentadbirannya diselia oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, dalam mengangkat dan mengetengahkan karya penulis-penulis tanah air. Sebagai contoh, ITBM bersama-sama dengan PENA telah menganjurkan Bengkel Penulisan & Penerbitan di enam zon di seluruh negara pada tahun 2012.

7. Saya yakin kerjasama sebegini mampu merangsang penulis untuk lebih giat berkarya dan menghasilkan penulisan yang lebih berkualiti dalam usaha membentuk bangsa Malaysia yang cemerlang minda dan cerdas akal. Malah saya difahamkan bahawa ada dalam kalangan penulis wanita yang karyanya dilancarkan pada hari ini, merupakan produk daripada bengkel tersebut. Kerajaan tentunya akan sentiasa memberikan sokongan di atas segala usaha yang dilakukan, menerusi pelbagai dasar, program, prasarana dan dana yang bersesuaian bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif demi pembangunan bidang kesusasteraan, penulisan dan penerbitan tanah air.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kewujudan pelbagai karya dan judul buku kreatif berbahasa Melayu di pasaran bukan sekadar memenuhi rak buku, malah dilihat bakal menyaingi lambakan karya-karya dari Barat. Justeru,

inisiatif Kerajaan menubuhkan Kedai Buku 1Malaysia amat kena pada masanya, kerana ia dilihat mampu membantu memastikan karya penulis-penulis tempatan disebarluaskan kepada masyarakat. Melalui Kedai Buku 1Malaysia juga, golongan penulis dan penerbit buku diberi peluang mempromosi dan meluaskan jaringan pemasaran buku yang diterbitkan ke seluruh negara, termasuk kepada masyarakat luar bandar melalui cawangan Kedai Buku 1Malaysia yang telah dan akan dibuka di setiap negeri.

9. Melalui penetapan harga buku yang lebih rendah, Kedai Buku 1Malaysia juga membantu menjadikan bahan bacaan sebagai ‘mampu milik’ bagi setiap lapisan masyarakat terutama golongan yang kurang berkemampuan. Harapan saya agar semua penulis dapat memanfaatkan sebaik-baiknya ruang yang disediakan, agar usaha ini dapat membantu memupuk dan menyuburkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

10. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua penulis wanita untuk 10 judul buku terkini terbitan ITBM dan PENA yang diraikan penerbitannya pada hari ini. Teruskanlah perjuangan dan usaha anda semua dalam memetakan kesusasteraan tanah air di tengah-tengah cabaran dunia globalisasi tanpa sempadan dan serba kompetitif ini. Sesungguhnya, ungkapan “Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia” itu tepat sekali untuk semua kaum wanita, dan semoga para pengarang wanita yang ada pada hari ini dan yang di luar sana akan terus giat berkarya, terus bersama-sama membangunkan intelektual bangsa.

11. Kepada ITBM, PENA dan juga Kedai Buku 1Malaysia, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha gigih sehingga mampu merealisasikan penerbitan buku yang berkualiti tinggi, selain berjaya menyebarkan karya hasil nukilan minda dan pengalaman penulis-penulis ini. Semoga apa yang dilakukan ini dapat mengukuhkan pembudayaan dan pemetaan ilmu melalui pembacaan buku dan pemartabatan kesusasteraan tanah air. Ianya juga diharapkan dapat membangkitkan rasa semangat semua kaum wanita untuk menghasilkan karya-karya yang lebih baik di masa hadapan. Sekali gus ia turut memaparkan usaha kaum wanita bersama-sama dengan kaum lelaki, menyumbang kepada budaya pembacaan dan kesuburan intelektual rakyat Malaysia demi pembangunan agama, bangsa dan negara. Saya berdoa agar usaha baik ini mendapat sokongan semua pihak agar dapat diteruskan lagi di masa hadapan.

Dengan penuh kesyukuran dan lafaz Bismillāhirrahmānirrahīm, saya melancarkan 10 buku penulis wanita terbitan terkini Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia.

Sekian. Wabillāhi al-taufiq wa al-hidāyah wa al-salāmu’alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh. Terima kasih.